

UMP, USM meterai MoA kongsi kepakaran pembangunan sistem KPI

KUANTAN - Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Sains Malaysia (USM) memeterai memorandum perjanjian (MoA) untuk berkongsi kepakaran dalam pembangunan Sistem Pengurusan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) atau UMP KPI-Management System dalam meningkatkan kecekapan pengurusan data strategik.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Seri Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, prestasi dan pencapaian sesebuah universiti amat bergantung kepada keupayaannya untuk memenuhi rangkaian KPI dan sasaran strategik ditetapkan.

Menurutnya, selain pasukan kerja yang efisien, komited dan kaya sumber (resourceful), satu lagi aspek utama yang menyumbang kepada keberkesanan penyampaian ialah keupayaan untuk mewujudkan sistem pengurusan strategik yang bersepadu dan memudah cara dari segi operasinya.

"Penggembleran sumber manusia



Dr Daing Nasir dan Dr Asma Ismail bertukar dokumen MoA ditandatangani disaksikan Dr Mashitah dan Dr Phua Kia Kien.

dan sistem automasi secara terarah bukan sahaja positif dalam konteks kecekapan organisasi, tetapi juga membolehkan pemantauan prestasi dan kawalan operasi dijalankan berterusan secara dalam talian (online).

"Ia sekali gus membantu pengurusan data strategik secara dalam talian di USM diuruskan

dengan efektif dan efisien, dan inilah kerangka automasi yang amat bersesuaian dengan keperluan semasa universiti pada ketika ini," katanya.

Pada majlis menandatangani perjanjian itu di USM kelmarin, Dr Daing Nasir dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan

Inovasi), Prof Datuk Dr Mashitah Mohd Yusoff mewakili UMP manakala USM diwakili Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Asma Ismail dan Pengarah Bahagian Pembangunan Institusi USM, Profesor Dr Phua Kia Kien.

Beliau berkata, selepas melalui pelbagai proses rundingan bersama USM serta perakuan dan kelulusan menurut peraturan di peringkat kementerian, kini UMP KPI-Management System dapat dibekalkan kepada pihak UMP untuk dioperasikan dalam kadar yang segera.

"Saya juga berpuas hati kerana proses pemasangan sistem ini kini sedang giat dijalankan mengikut jadual kerja yang telah ditetapkan berdasarkan persetujuan kedua-dua pihak.

"Selain itu, apabila sistem ini beroperasi sepenuhnya kelak, cabaran dan kesulitan dalam pengurusan data strategik di UMP dapat diatasi dan melalui sistem ini, kami juga akan berupaya menyenggara dan menyalurkan data-data berkualiti tinggi yang amat penting dalam konteks penjana keputusan dan pelaporan strategik," katanya.